



**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
BIL. 4/2009**

---

Pentadbir Tanah Daerah

Seremban  
Port Dickson  
Tampin  
Kuala Pilah  
Rembau  
Jelebu  
Jempol

Timbalan Pentadbir Tanah  
Daerah Kecil Gemas

**PENYELESAIAN TUNGGAKAN PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH  
KERAJAAN DI PENTADBIRAN TANAH NEGERI SEMBILAN**

---

**1. TUJUAN**

- 1.1 Arahan ini dikeluarkan kepada Pentadbir-Pentadbir Tanah bertujuan untuk menyelesaikan semua permohonan pelupusan tanah Kerajaan yang masih tertunggak di Pentadbiran Tanah, Negeri Sembilan.

## 2. **LATAR BELAKANG**

- 2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 15 April 2009 telah mengambil maklum bahawa masih terdapat permohonan pelupusan tanah Kerajaan sebelum tahun 2008 yang belum diselesaikan. Majlis Mesyuarat Kerajaan seterusnya menyarankan agar tindakan agresif secara kolektif diambil bagi menyelesaikan isu tersebut.
- 2.2 Mesyuarat Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Sembilan dengan Timbalan-Timbalan Pentadbir Tanah Daerah pada 20 dan 21 Februari 2009 mengambil maklum bahawa daripada rekod dalam Buku Daftar Permohonan (Register of Application, ROA), masih terdapat fail-fail permohonan sebelum tahun 2008 yang belum diselesaikan. Walau bagaimanapun, fail-fail tersebut tidak dapat dikesan statusnya.

## 3. **PELAKSANAAN**

- 3.1 Pentadbiran Tanah Negeri Sembilan mengambil maklum akan saranan Majlis seperti di atas. Bagi menyelesaikan isu tunggakan permohonan pelupusan tanah Kerajaan yang masih terdapat di Pentadbiran Tanah Negeri Sembilan, Pentadbir Tanah dikehendaki mengambil langkah-langkah berikut:
  - 3.1.1 Pentadbir Tanah perlu menyemak dengan teliti setiap permohonan yang direkodkan dalam ROA;
  - 3.1.2 Bagi mana-mana rekod permohonan yang masih belum selesai, Pentadbir Tanah perlu membuat semakan terperinci. Sekiranya permohonan tersebut telah pun ada keputusan, tindakan segera perlu diambil untuk mengemaskini catatan dalam ROA;
  - 3.1.3 Setelah semakan dibuat dan masih terdapat rekod permohonan yang masih belum selesai, Pentadbir Tanah perlulah mengemukakan senarai fail tersebut kepada Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Sembilan. Senarai tersebut perlu mengandungi:

- 3.1.3.1 Nama pemohon;
- 3.1.3.2 Nombor fail permohonan;
- 3.1.3.3 Tarikh permohonan;
- 3.1.3.4 No. Kad Pengenalan pemohon;
- 3.1.3.5 Lokasi tanah yang dipohon (beserta Mukim);  
dan
- 3.1.3.6 Pelan lokasi.

- 3.2 Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Sembilan seterusnya akan meneliti senarai permohonan yang dikemukakan dan mengambil tindakan untuk mengangkat permohonan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk pertimbangan.
- 3.3 Pentadbir Tanah dinasihatkan agar sentiasa menyemak ROA bagi memastikan tiada lagi mana-mana permohonan yang tiada penyelesaian. Bagi semakan kali pertama, Pentadbir Tanah perlu mengemukakan senarai permohonan yang masih belum selesai ke Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Sembilan sebelum atau pada 30 April 2009.

#### 4. **TARIKH KUATKUASA**

- 4.1 Arahan ini berkuatkuasa serta merta. Pentadbir Tanah hendaklah memastikan bahawa pelaksanaan arahan ini dipatuhi sepenuhnya.

#### **(DATO' ZAFFARUDIN BIN SHARIF)**

Pengarah Tanah dan Galian  
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : April 2009  
Rujukan : ( )dlm. PTG.NS 10/17

s.k. Setiausaha Sulit Kepada Y.A.B Menteri Besar Negeri Sembilan

